

JAWAPAN

TEMA
3

Kecerdasan Meningkat, Keterampilan Memikat

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Pada pendapat saya, pengambilan pemain-pemain import dalam sukan bola sepak tempatan memberikan kesan positif kepada negara. Antara kebaikan yang diperolehi ialah pemain tempatan dapat meningkatkan kemahiran dan pretasi permainan mereka. Hal ini demikian kerana mereka berlatih dalam satu pasukan dengan para pemain import yang diakui hebat. Selain itu, kewujudan pemain import dalam sesuatu perlawanan dapat meningkatkan jumlah penonton kerana mereka mempunyai daya tarikan tersendiri. Jumlah penonton yang bertambah bukan sahaja dapat meningkatkan jualan tiket dan pendapatan negara, malahan dapat menaikkan semangat berpasukan.
- Maaf, saya tidak bersetuju. Saya berpendapat bahawa pengambilan pemain-pemain import dalam sukan bola sepak tempatan mengehadkan peluang pemain tempatan untuk beraksi dalam perlawanan yang penting. Pemain-pemain tempatan yang mungkin berpotensi terpaksa duduk di bangku pemain simpanan disebabkan posisi mereka diambil oleh pemain import yang dianggap lebih berkebolehan. Keadaan ini sudah tentu tidak sihat terhadap perkembangan bakat pemain bola sepak tempatan. Di samping itu, pasukan negeri terpaksa membayar gaji yang tinggi kepada pemain-pemain asing, Bayaran yang paling rendah bagi seseorang pemain asing ialah RM8000 sebulan. Jumlah ini amat besar jika dibandingkan dengan pemain tempatan yang menerima bayaran kira-kira RM2000 sebulan. Bagi saya lebih baik jika wang itu dibelanjakan untuk mengembangkan bakat-bakat baharu.

PBD Kemahiran Membaca

Pada pendapat saya, terdapat beberapa kebaikan sekiranya kita mempelajari seni pertahanan diri. Pertama, kita dapat berusaha untuk menangkis serangan penjenayah yang berniat untuk menculik atau menyamun kita. Seterusnya, kita dapat mengisi masa lapang kita sekiranya kita mempelajari seni pertahanan diri. Masa yang terluang dapat dipenuhi dengan menambahkan ilmu dan kemahiran diri serta mengelakkan kita daripada terjebak dalam kancah sosial. Akhir sekali, mempelajari seni pertahanan diri dapat dijadikan sebagai aktiviti sukan. Selain menyihatkan badan, kita juga berpeluang untuk menyertai acara sukan yang dipertandingkan pada peringkat daerah, negeri, malahan kebangsaan dan antarabangsa. Penyertaan tersebut pastilah mengharumkan nama kita sendiri,

keluarga, dan negara. Kesimpulannya, seni pertahanan diri wajar dipelajari memandangkan faedahnya yang banyak. Secara tidak langsung, kita dapat mengekalkan warisan kebudayaan masyarakat.

PBD Kemahiran Menulis

budaya makan makanan segera tidak elok dijadikan amalan dalam kehidupan sehari-harian kerana membawa beberapa kesan buruk kepada penggemar makanan segera.

Antara kesan buruk pengamalan makan makanan segera ialah kesihatan tubuh badan terjejas. Kandungan garam dan lemak yang tinggi dalam makanan segera menyebabkan penggemar makanan tersebut berisiko untuk menghidap pelbagai penyakit kronik, seperti darah tinggi, obesiti, diabetes, dan serangan jantung.

Selain itu, budaya makan makanan segera membazirkan wang ringgit. Hal ini demikian kerana harga makanan dan minuman di restoran makanan segera lebih mahal berbanding dengan restoran biasa. Masyarakat jauh daripada amalan berjimat cermat dalam berbelanja apabila sering menghabiskan wang untuk makan dan minum di restoran makanan segera

Amalan makan makanan segera juga menyebabkan makanan tempatan terpinggir. Segelintir masyarakat beranggapan bahawa makanan segera mewah dan mempunyai kelas berbanding dengan makanan tempatan. Hal ini demikian restoran makanan segera berhawa dingin dan jenama yang terkenal di seluruh dunia.

Kesimpulannya, budaya makan makanan segera harus dielakkan agar kita dapat menjaga kesihatan diri dan mengamalkan sikap berhemat dalam perbelanjaan. Pada masa yang sama, kita dapat memajukan perniagaan restoran makanan tempatan sekiranya kita sering menikmati makanan tempatan.

PBD Aspek Seni Bahasa

1. tanpa berusaha
2. nilainya
3. ditukar ganti
4. berkhasiat
5. kenyang
6. badan cantik
7. dimanfaatkan
8. bawalah
9. markah tinggi
10. senaman pagi
11. cergas
12. cerdas